

**PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGETAHUAN  
KEAGAMAAN KE ATAS KESEDIAAN MENGUBAH  
TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN REMAJA  
DI MALAYSIA DAN BRUNEI: PERSEPSI  
SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI  
PENYEDERHANA**



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGETAHUAN  
KEAGAMAAN KE ATAS KESEDIAAN MENGUBAH  
TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN REMAJA  
DI MALAYSIA DAN BRUNEI: PERSEPSI  
SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI  
PENYEDERHANA**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKANM  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGETAHUAN KEAGAMAAN KE ATAS KESEDIAAN MENGUBAH TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA DAN BRUNEI: PERSEPSI SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI PENYEDERHANA**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

Saya **KHAIRANI BINTI KAHRUDDIN**, Sesi **2011-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

  
**/**

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,

 **ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KHAIRANI BINTI KAHRUDDIN**  
**PR20119157**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 16 Jun 2023

(Prof. Dr. Haji Mohd Dahlan Bin Haji Abdul Malek)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16 Februari 2023



---

Khairani Binti Kaharuddin  
PR20119157



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **KHAIRANI BINTI KAHARUDDIN**

NO. MATRIK : **PR20119157**

TAJUK : **PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGETAHUAN KEAGAMAAN KE ATAS KESEDIAAN MENGUBAH TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA DAN BRUNEI: PERSEPSI SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI PENYEDERHANA**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

TARIKH VIVA : **16 FEBRUARI 2023**



**DISAHKAN OLEH;**

Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENYELIA**

Prof. Dr. Haji Mohd Dahlan Bin Haji Abdul Malek

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Haji Mohd Dahlan'. It is placed over a horizontal line.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, maka dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah, saya ucapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Haji Mohd Dahlan Bin Haji Abdul Malek, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, selaku Penyelia saya. Kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang telah diberikan kepada saya, banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti dapat dilupakan.

Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan Politeknik Kuching Sarawak kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya sayangi, Hjh. Zainun binti Hussain yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa peringatan dan panduan hidup. Ucapan terima kasih kepada suami tercinta Mohd Noorsuhaimy bin Kasmany dan kelima-lima anak, Amirul Shafiq, Khairun Najwa, Amirul Hakim, Khairul Izzat dan Alea Maisara atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi sepanjang hayat.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Khairani Binti Kaharuddin  
16 Februari 2023

## ABSTRAK


Kajian dijalankan bertujuan untuk meneroka pengaruh yang dimainkan oleh gaya perapatan keibubapaan dan pengetahuan keagamaan ke atas kesediaan mengubah tingkah laku dalam kalangan remaja di Malaysia dan Brunei. Dua jenis gaya perapatan keibubapaan yang dikaji adalah perhatian dan kawalan, yang mana setiap gaya perapatan keibubapaan ibu dan bapa diukur secara berasingan. Kajian ini juga melihat peranan sokongan sosial daripada tiga sumber iaitu individu signifikan, keluarga dan rakan sama ada sumber tersebut bertindak sebagai penyederhana ke atas hubungan gaya perapatan keibubapaan dan pengetahuan keagamaan dengan kesediaan mengubah tingkah laku remaja. Kajian adalah secara pendekatan kuantitatif yang menggunakan set soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Seramai 949 orang remaja yang dibahagikan kepada dua negara, iaitu Malaysia (702 orang) dan Brunei (247 orang). Responden terdiri daripada remaja yang berumur 18 hingga 21 tahun. Soal selidik yang digunakan adalah *The Parental Bonding Instrument* (PBI) untuk mengukur gaya perapatan keibubapaan, alat kajian mengukur pengetahuan keagamaan oleh Fauziah, Norulhuda, Khadijah, Mohd Suhaimi, Noremy dan Salina (2012), *Mutidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) untuk mengukur sokongan sosial, dan Readiness for Change Assessment untuk mengukur kesediaan mengubah tingkah laku remaja. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh ibu secara perhatian menyumbang kepada kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Malaysia, manakala di Brunei pula kawalan ibu yang menyumbang kepada kesediaan perubahan. Bagi gaya perapatan keibubapaan bapa di Malaysia didapati dimensi perhatian dan kawalan keduanya menyumbang kepada kesediaan perubahan, manakala di Brunei hanya kawalan bapa yang memberikan sumbangan pengaruh. Pengetahuan keagamaan didapati tidak menyumbang secara signifikan ke atas kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Malaysia dan Brunei. Dari aspek sokongan sosial, hanya sokongan daripada keluarga yang menyumbang kepada kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Malaysia, manakala sokongan daripada individu signifikan dan rakan mempengaruhi kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Brunei. Dari aspek peranan sebagai penyederhana, sokongan sosial individu signifikan bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan perhatian dan kawalan ibu dengan kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Malaysia, sokongan sosial keluarga bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan perhatian ibu dengan pembolehubah terikat. Manakala, sokongan sosial individu signifikan bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan perhatian bapa dengan pembolehubah terikat. Didapati sokongan sosial tidak bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan gaya perapatan keibubapaan dengan kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Brunei. Sokongan sosial juga tidak bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan pengetahuan keagamaan dengan kesediaan mengubah tingkah laku remaja di Malaysia dan Brunei. Dari aspek perbezaan, didapati remaja di Malaysia menerima perhatian ibu lebih tinggi daripada remaja di Brunei. Manakala, remaja di Brunei menerima perhatian bapa lebih tinggi berbanding remaja di Malaysia. Implikasi kajian ini kepada ibu bapa adalah menjelaskan bahawa kepentingan ibu bapa dalam memilih gaya perapatan keibubapaan yang betul. Hal ini kerana, gaya perapatan keibubapaan yang diamalkan sangat berperanan penting ke atas pemilihan tingkah laku atau kesediaan remaja untuk mengubah tingkah laku yang lebih baik.

## **ABSTRACT**

### **THE INFLUENCE OF PARENTING ATTACHMENT STYLE AND RELIGIOUS KNOWLEDGE ON READINESS TO CHANGE BEHAVIOR AMONG ADOLESCENTS IN MALAYSIA AND BRUNEI: SOCIAL SUPPORT AS MODERATION**

*The study was conducted to explore the influence played by attachment parenting style and religious knowledge on the readiness to change behavior among adolescents in Malaysia and Brunei. The two types of attachment parenting styles studied were care and control, with each parenting style being measured separately. This study also looks at the role of social support from three sources namely significant individuals, family and friends whether the source acts as a moderator on the relationship of attachment parenting style and religious knowledge with a readiness to change of adolescent behavior. The study was a quantitative approach that uses a set of questionnaires to obtain the data. A total of 949 teenagers were divided into two countries, namely Malaysia (702 people) and Brunei (247 people). Respondents consisted of adolescents aged 18 to 21 years. The questionnaire used was The Parental Bonding Instrument (PBI) to measure attachment parenting style, the instrument measuring religious knowledge by Fauziah, Norulhuda, Khadijah, Mohd Suhaimi, Noremy and Salina (2012), Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) to measure social support, and Readiness for Change Assessment to measure readiness to change adolescent behavior. The results of the study found that the influence of mothers' care contributed to the readiness to change the behavior of adolescents in Malaysia, while in Brunei the control of mothers contributed to the readiness to change. As for the father's parenting style in Malaysia, it is found that the dimensions of care and control both contribute to the readiness for change, while in Brunei only father control contributes to the influence. Religious knowledge was found not to contribute significantly to the readiness to change the behavior of adolescents in Malaysia and Brunei. From the aspect of social support, only the support from family contributes to the readiness to change the behavior of adolescents in Malaysia, while the support from significant individuals and friends influences the readiness to change the behavior of adolescents in Brunei. From the aspect of the role as a moderator, the support from significant individual acts as a moderator in the relationship of care and control of the mother with the readiness to change the behavior of adolescents in Malaysia, the family social support acts as a moderator in the relationship of maternal care with dependent variables. Meanwhile, the significant individual social support acts as a moderator in the father's care relationship with the dependent variables. It was found that the social support did not act as a moderator in attachment parenting style relationships with the readiness to change adolescent behavior in Brunei. Social support also do not act as a moderator in the relationship of religious knowledge with the readiness to change the behavior of adolescents in Malaysia and Brunei. In terms of differences, it was found that adolescents in Malaysia receive higher maternal care than adolescents in Brunei. Meanwhile, adolescents in Brunei receive more father's care than in Malaysia. The implication of this study to parents is to explain that the importance of parents in choosing the right attachment parenting style. This is because, the attachment parenting style practiced plays an important role in the*

*choice of behavior or the readiness of adolescents to change their behavior for the better.*



## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Masalah	3
1.2.1    Masalah Tingkah Laku Remaja di Malaysia dan Brunei	3
1.2.2    Kepentingan Mengubah Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja	8
1.2.3    Elemen yang Berperanan Dalam Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	11
1.3    Pernyataan Masalah	14
1.4    Persoalan Kajian	19
1.5    Objektif Kajian	20
1.6    Definisi Konseptual dan Operasional	21



1.6.1	Kesediaan Mengubah Tingkah Laku	21
1.6.2	Gaya Perapatan Keibubapaan	23
1.6.3	Pengetahuan Agama	25
1.6.4	Sokongan Sosial	26
1.7	Kepentingan Kajian	28
1.7.1	Kepentingan Teoritikal	28
1.7.2	Kepentingan Praktikal	30
1.8	Kesimpulan	33

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Pendekatan Teori	34
2.2.1	Model <i>Transtheoretical</i> (TTM)	34
2.2.2	Teori Tingkah Laku Bersebab ( <i>Theory of Reasoned Action-ToRA</i> ) (Ajzen & Fishbein, 1980)	37
2.2.3	Tipologi Keibubapaan Baumrind (1978)	39
2.2.4	Model Perubahan Tingkah Laku Sihat – Pengaturan Kendiri Agama ( <i>Religious Self-Regulation</i> )	43
2.2.5	Model Konvoi Sokongan Sosial	46
2.3	Kajian-Kajian Lepas	50
2.3.1	Gaya Perapatan Keibubapaan dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	50
2.3.2	Pengetahuan Agama dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	59
2.3.3	Sokongan Sosial dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	64
2.4	Hipotesis	71
2.5	Kerangka Kajian	75
2.6	Kesimpulan	76

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	77
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.3	Responden Kajian	77
3.4	Kaedah Persampelan	78
3.5	Lokasi Kajian	81
3.6	Instrumen Kajian	81
3.6.1	Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden	82
3.6.2	Bahagian B & C: <i>The Parental Bonding Instrument</i> – Ibu dan Bapa	82
3.6.3	Bahagian D: Pengetahuan Agama	83
3.6.4	Bahagian E: <i>Multidimensional Scale of Perceived Social Support</i> (MSPSS)	84
3.6.5	Bahagian F: <i>Readiness for Change Assessment</i>	85
3.7	Tatacara Kajian	85
3.7.1	Tahap Persiapan	85
3.7.2	Tahap Pelaksanaan	87
3.8	Isu Etika	88
3.9	Analisis Data	89
3.9.1	Kajian Rintis	89
3.9.2	Kajian Sebenar	94
3.10	Pemarkatan Skor Min Pembelahan	94
3.11	Kesimpulan	95

### **BAB 4: HASIL KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	96
4.2	Hasil Analisis Maklumat Demografi	96

4.3	Hasil Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Pembolehubah	97
4.4	Pengujian Syarat Normaliti	101
4.5	Pengujian Hipotesis	102
4.5.1	Pengaruh Langsung (Analisis Regresi Pelbagai)	103
4.5.2	Pengaruh Moderator	109
4.6	Kesimpulan	137

## **BAB 5: PERBINCANGAN HASIL**


5.1	Pendahuluan	142
5.2	Pengaruh Gaya Keibubapaan Ibu dan Bapa ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja	143
5.2.1	Malaysia	144
5.2.2	Brunei	147
5.3	Pengaruh Pengetahuan Keagamaan ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja	148
5.3.1	Malaysia dan Brunei	149
5.4	Pengaruh Sokongan Sosial ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja	151
5.4.1	Malaysia	152
5.4.2	Brunei	153
5.5	Sokongan Sosial Daripada Individu Signifikan Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Gaya Perapatan Keibubapaan Ibu dan Bapa (Perhatian dan Penjagaan Kawalan) dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Malaysia	257
5.6	Sokongan Sosial Daripada Keluarga dan Rakan Tidak Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Gaya Perapatan Keibubapaan Ibu dan Bapa (Perhatian dan Penjagaan Kawalan) dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Malaysia	159

5.7	Sokongan Sosial Daripada Individu Signifikan Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Pengetahuan Keagamaan dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Malaysia	160
5.8	Sokongan Sosial Daripada Keluarga dan Rakan Tidak Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Pengetahuan Keagamaan dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Malaysia	161
5.9	Sokongan Sosial (Individu Signifikan, Keluarga, Rakan) Tidak Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Gaya Perapatan Keibubapaan Ibu dan Bapa (Perhatian dan Penjagaan Kawalan) dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Brunei	162
5.10	Sokongan Sosial (Individu Signifikan, Keluarga, Rakan) Tidak Bertindak Sebagai Penyederhana Dalam Hubungan Antara Pengetahuan Keagamaan dengan Kesediaan Perubahan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di Brunei	164
5.11	Perbezaan Gaya Perapatan Keibubapaan Ibu dan Bapa Remaja di Malaysia dan Brunei	165
5.12	Kesimpulan	167
<b>BAB 6: RUMUSAN, LIMITASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG</b>		
6.1	Pendahuluan	168
6.2	Rumusan Utama Kajian	168
6.3	Implikasi Kajian	172
6.3.1	Implikasi Teori	172
6.3.2	Implikasi Praktikal	173
6.4	Limitasi Kajian	180
6.5	Cadangan Kajian Akan Datang	181
6.6	Kesimpulan	182
<b>RUJUKAN</b>		184
<b>LAMPIRAN</b>		213

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Jenis-Jenis Kesalahan Penghuni JKM 2021	4
Jadual 1.2 : Statistik Tangkapan Tahun 2009 -2011	7
Jadual 3.1 : Lokasi Kajian Berserta Jumlah Responden Setiap Lokasi	81
Jadual 3.2 : Dimensi <i>The Parental Bonding Instrument (PBI)</i> Ibu dan Bapa	83
Jadual 3.3 : Skala Pengukuran PBI – Ibu dan Bapa	83
Jadual 3.4 : Skala Pengukuran Pengetahuan Agama	84
Jadual 3.5 : Skala Pengukuran <i>Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)</i>	84
Jadual 3.6 : Skala Pengukuran <i>Readiness for Change Assessment</i>	85
Jadual 3.7 : Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	91
Jadual 3.8 : Tahap Skor Min Mengikut Skala Likert	95
Jadual 4.1 : Analisis Maklumat Demografik Responden Secara Kekerapan dan Peratus	97
Jadual 4.2 : Skor Min dan Sisihan Piawai Pembolehubah	98
Jadual 4.3 : Taburan Normaliti Bagi Setiap Pembolehubah Secara Skor Z <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	102
Jadual 4.4 : Analisis Regresi Pelbagai Bagi Pengaruh Dimensi Gaya Perapatan Ibu ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	103
Jadual 4.5 : Analisis Regresi Pelbagai Bagi Pengaruh Dimensi Gaya Perapatan Bapa ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	105
Jadual 4.6 : Analisis Regresi Pelbagai Bagi Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	106

Jadual 4.7	: Analisis Regresi Pelbagai bagi Pengaruh Sokongan Sosial ke Atas Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	107
Jadual 4.8	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Individu Signifikan dalam Hubungan Gaya Perapatan Ibu dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	109
Jadual 4.9	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Individu Signifikan dalam Hubungan Gaya Perapatan Bapa dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	113
Jadual 4.10	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Keluarga Dalam Hubungan Gaya Perapatan Ibu dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	116
Jadual 4.11	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Keluarga dalam Hubungan Gaya Perapatan Bapa dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	120
Jadual 4.12	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Rakan dalam Hubungan Gaya Perapatan Ibu dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	123
Jadual 4.13	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Rakan dalam Hubungan Gaya Perapatan Bapa dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	125
Jadual 4.14	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Individu Signifikan dalam Hubungan Pengetahuan Agama dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	128
Jadual 4.15	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Keluarga Dalam Hubungan Pengetahuan Agama dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	131
Jadual 4.16	: Analisis Regresi Hierarki Kesan Moderator Sokongan Sosial Rakan Dalam Hubungan Pengetahuan Agama dan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja	133
Jadual 4.17	: Ujian-T Sampel Bebas Perbezaan Gaya Perapatan Ibu Antara Malaysia dan Brunei	135
Jadual 4.18	: Ujian-T Sampel Bebas Perbezaan Gaya Perapatan Bapa Antara Malaysia dan Brunei	136



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 2.1 : Ilustrasi Kerangka Kajian	75
Rajah 4.1 : Graf Kesan Moderator Sokongan Individu Signifikan Dalam Hubungan Perhatian Ibu dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja Sampel Malaysia	111
Rajah 4.2 : Graf Kesan Moderator Sokongan Individu Signifikan Dalam Hubungan Penjagaan Kawalan Ibu dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja Sampel Malaysia	112
Rajah 4.3 : Graf Kesan Moderator Sokongan Individu Signifikan Dalam Hubungan Perhatian Bapa dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja Sampel	115
Rajah 4.4 : Graf Kesan Moderator Sokongan Keluarga Dalam Hubungan Perhatian Ibu dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja Sampel Malaysia	118
Rajah 4.5 : Graf Kesan Moderator Sokongan Individu Signifikan Dalam Hubungan Pengetahuan Agama dengan Kesediaan Mengubah Tingkah Laku Remaja Sampel Malaysia	130




## SENARAI SINGKATAN

<b>et al.</b>	-	dan lain-lain
<b>IKU</b>	-	Institut Kesihatan Umum
<b>K</b>	-	Kekerapan
<b>MSPSS</b>	-	<i>Mutidimensional Scale of Perceived Social Support</i>
<b>N</b>	-	Jumlah keseluruhan
<b>PBI</b>	-	<i>Parental Bonding Inventory</i>
<b>R</b>	-	Korelasi
<b>R<sup>2</sup></b>	-	R Kuasa Dua
<b>SBT</b>	-	<i>Standard Back Translation</i>
<b>Sig.</b>	-	Signifikan
<b>S.P</b>	-	Sisihan Piawai
<b>SPM</b>	-	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>Std. Beta</b>	-	<i>Standard Beta</i>
<b>ToRA</b>	-	<i>Theory of Reasoned Action</i>
<b>WHO</b>	-	<i>World Health Organization</i>
<b>&lt;.05</b>	-	Aras signifikan rendah dari 0.5
<b>&lt;.01</b>	-	Aras signifikan rendah dari 0.1
<b>≥ .30</b>	-	Lebih besar atau pada nilai .30
<b>&amp;</b>	-	dan
<b>±</b>	-	Pada nilai negatif atau positif
<b>%</b>	-	Peratusan

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik	213
Lampiran B : Hasil Analisis Untuk Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	230
Lampiran C : Surat Pengesahan dan Kelulusan Menjalankan Kajian	262



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Keremajaan merupakan peringkat penting dalam perkembangan manusia. Peringkat ini yang akan bertindak sebagai penghubung di antara zaman kanak-kanak dan zaman kedewasaan. Peringkat keremajaan merupakan fasa di mana sebarang perkembangan dan perubahan berlaku dengan sangat pantas sama ada secara fizikal ataupun psikologikal (St. Nurjannah, 2008). Hal ini demikian kerana, peringkat keremajaan adalah fasa yang singkat, di mana ia hanya berlaku semasa individu memasuki peringkat akil baligh sehingga mencapai umur 19 tahun (WHO, 2020). Keremajaan bermakna perkembangan ke arah kedewasaan (Eastwood, 1983). Maka dalam peringkat perkembangan sewaktu keremajaan ini proses pembentukan dan perubahan akan memberi kesan yang konsisten apabila remaja tersebut memasuki alam kedewasaan, termasuklah pembentukan dan perubahan tingkah laku remaja.

Perkembangan biologi yang berlaku semasa peringkat remaja menjadi pencetus kepada revolusi psikologi (Lipsitz, 1977). Perkembangan biologi ini dikaitkan dengan peringkat akil baligh, di mana remaja akan melalui proses perubahan secara fizikal akibat perubahan hormon yang mana sekali gus memberi kesan ke atas perubahan psikologikal (Nor Af'idah, 2014 & Steinberg, 2005). Sebahagian remaja boleh berhadapan dengan perubahan yang berlaku secara fizikal dan psikologikal (Tan & Rosmah, 2013). Namun, sebahagian remaja tidak boleh menerima dan memahami perubahan perkembangan yang berlaku (Lipsitz, 1977; St. Nurjannah, 2008). Hal ini yang menyebabkan remaja menunjukkan perubahan psikologikal yang ketara, khususnya kepada proses pemikiran yang sangat berkait rapat dengan tingkah laku (St. Nurjannah, 2008). Golongan remaja perlu berjaya beradaptasi dengan perubahan yang berlaku. Bagi remaja yang gagal

melalui fasa adaptasi dengan perubahan tersebut cenderung membentuk kepada tingkah laku bermasalah, atau tingkah laku negatif.

Permasalahan tingkah laku dalam kalangan remaja telahpun dibincangkan dalam pelbagai bidang seperti sains sosial, psikologi, kesihatan dan pendidikan. Malah, ia telah wujud semenjak awal abad ke-19 lagi (Kauffman, 1976). Semenjak kebelakangan ini, masalah tingkah laku dalam kalangan remaja menjadi isu global dan memerlukan perhatian semua pihak tidak kira pihak pembuat polisi atau dalam institusi kekeluargaan (Azizi & Badrulzaman, 2007, Nor Af'ida, 2014 & Tick, Van Der Ende & Verhulst, 2007). Ini adalah kerana kerana, permasalahan tingkah laku dalam kalangan remaja telah menjadi isu yang membimbangkan dalam kebanyakan negara, yang mana sekiranya isu ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya boleh menjadi satu permasalahan kritikal dalam setiap negara.

Walau bagaimanapun, fenomena ini dianggap semakin serius apabila ia memberi ancaman kepada keselamatan serta kesejahteraan masyarakat (Ab. Rahman, 2008; Amaludin & Khadijah, 2007; Engku Ahmad Zaki, 2009; Mohamad Khairi, 2015; Nor Jumawaton, Mariani, Zainal & Hanina, 2017). Dan, hal yang lebih membimbangkan adalah kesan permasalahan tingkah laku itu sendiri, iaitu kesan ke atas kehidupan remaja tersebut. Di antara kesan yang jelas adalah ke atas kualiti hidup remaja itu dan kesejahteraan hidupnya pada masa akan datang (Ravens-Sieberer et al., 2008; Sawyer et.al, 2000). Manakala, kesan yang secara tidak langsung dapat diramal adalah kesan pembangunan masa depan sesebuah negara, yang mana golongan remaja ini merupakan golongan pelapis dalam memimpin negara di masa akan datang (Karagianni & Montgomery, 2018).

Oleh hal yang demikian, permasalahan tingkah laku dalam kalangan remaja sekiranya tidak dirawat akan berlanjutan sehingga remaja itu memasuki alam dewasa (Hofstra, Maughan & Kim-Cohen, 2005; Van Der Ende & Verhulst, 2000) dan menyumbang kepada permasalahan yang lebih serius (Ford, Goodman & Meltzer, 2003; Mathai, Andersson Bourne, 2004; Rodriguez-Hernandez et al., 2012). Oleh itu, salah satu langkah untuk membantu golongan remaja agar tidak terjebak atau melibatkan diri dengan tingkah laku bermasalah adalah dengan membantu golongan tersebut untuk bersedia atau berkeinginan untuk berubah (Arnett, 1999).

Rentetan usaha untuk membantu golongan remaja agar tidak terjebak atau melibatkan diri dengan tingkah laku bermasalah atau negatif, kesediaan untuk berubah atau ada keinginan untuk berubah tingkah laku mereka ke arah yang lebih baik dan positif menjadi satu keperluan yang penting dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan remaja. Kesediaan remaja untuk berubah tingkah laku atau keinginan untuk berubah tingkah laku ini merupakan satu faktor penting dalam kejayaan melahirkan generasi muda yang bertingkah laku positif dan mempunyai pegangan untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik. Secara tidak langsung, dapat membantu remaja untuk memahami makna kehidupan dan dapat meningkatkan motivasi mereka untuk menjadi insan yang berguna dalam kehidupan mereka masa akan datang.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dalam membincangkan latar belakang permasalahan kajian ini, tiga aspek utama yang diberikan perhatian, iaitu permasalahan tingkah laku yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia dan Brunei, kepentingan untuk mengubah tingkah laku ke arah yang lebih baik, serta elemen penting yang berperanan ke atas keinginan remaja untuk mengubah tingkah laku.

### **1.2.1 Masalah Tingkah Laku Remaja di Malaysia dan Brunei**

Data statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM), menunjukkan bahawa Malaysia merupakan satu negara yang sedang membangun yang terdiri daripada populasinya sebanyak 32.69 juta (JPM, 2019). Proses urbanisasi yang berlaku secara mendadak memberi kesan kepada perubahan sosial, iaitu cenderung meningkatkan masalah kesihatan dan masalah sosial khususnya masalah tingkah laku dalam kalangan remaja (Rahim & Cederblad, 1986). Buktinya berdasarkan Laporan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), sepanjang tempoh 1990 hingga 2002, di Malaysia telah menunjukkan peningkatan kes juvenil iaitu daripada 0.51 peratus ke 0.65 peratus (EPU, 2004). Menurut Sidhu (2005), perubahan pembangunan yang mendadak mengakibatkan peningkatan kemiskinan dalam sesebuah keluarga daripada sosioekonomi rendah, yang mana menyebabkan ketidak-fungsian dalam

keluarga. Ketidak-fungsian dalam keluarga berlaku apabila ibu bapa daripada kumpulan sosioekonomi rendah terpaksa memberi perhatian utama kepada penjanaan ekonomi bagi memastikan kelangsungan hidup ahli keluarga sehingga mengabaikan perhatian dalam perkembangan anak-anak.

Satu kajian kebangsaan yang dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU), Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2017 melaporkan bahawa masalah tingkah laku dalam kalangan remaja di Malaysia adalah membimbangkan (IKU, 2018). Sebagai contoh, kajian mendapati 2 daripada 7 orang remaja di Malaysia berhadapan dengan ketagihan internet, didapati sebanyak 17 peratus remaja di Malaysia terlibat dengan penyalahgunaan dadah seawal umur 7 tahun, sebanyak 76 peratus remaja di Malaysia mengambil alkohol seawal umur 14 tahun, sebanyak 7.3 peratus remaja di Malaysia telah terlibat dengan salah laku seksual, serta beberapa permasalahan tingkah laku lain lagi yang dilaporkan (IKU, 2018).

Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh N. K Tharshini et al. (2021) ke atas 306 penghuni dari beberapa Jabatan Kebajikan Masyarakat di empat zon Malaysia, dapat dikenalpasti beberapa jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh penghuni. Penghuni adalah dalam lingkungan usia 18 – 21 tahun.

**Jadual 1.1 : Jenis-Jenis Kesalahan Penghuni JKM 2021**

Bil	Jenis Kesalahan	Bilangan	Peratus
1.	Mencuri	80	26.1
2.	Lalu Lintas	71	23.2
3.	Pecah rumah	55	18.0
4.	Dadah	35	11.7
5.	Ragut	31	10.1
6.	Bergaduh	16	5.2
7.	Senjata Api	8	2.6
8.	Daun Ketum	3	1.0
9.	Gaduh	2	0.6
10.	Menyimpan harta curi	2	0.6
11.	Langgar perintah PLKN	1	0.3
12.	Pecah amanah	1	0.3
13.	Cubaan merogol	1	0.3